



PERBADANAN MEMAJUKAN
IKTISAD NEGERI TERENGGANU

HALATUJU STRATEGIK
DAN PELAN TINDAKAN
ORGANISASI

PELAN STRATEGIK PMINT

PERBADANAN MEMAJUKAN
IKTISAD NEGERI TERENGGANU

2022-2026

www.pmint.gov.my



MEMACU
PEMBANGUNAN



PELAN STRATEGIK PMINT

PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU

2022-2026

Kandungan

KATA ALU-ALUAN OLEH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN PMINT	1
--	---

BAHAGIAN 1

• Pengenalan	4
• Ringkasan Eksekutif	5
• Latar Belakang PMINT	6
• Objektif Penubuhan PMINT	7
• Carta Organisasi	8

BAHAGIAN 2

HALA TUJU STRATEGIK PMINT	
• Visi Misi Moto Dasar Kualiti	12
• Nilai-nilai Bersama PMINT	13
• Teras Strategik 2022 – 2026	13
• Kerangka Pelan Strategik 2022 – 2026	14
• Strategi Pelan Strategik PMINT 2022 – 2026	15

BAHAGIAN 3

PELAN TINDAKAN	
• Pelan Tindakan Teras 1	22
• Pelan Tindakan Teras 2	28
• Pelan Tindakan Teras 3	32
• Pelan Tindakan Teras 4	36
• Pelan Tindakan Teras 5	39

BAHAGIAN 4

• Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan	44
• Penutup	46



**HAJI WAN ADNAN BIN
WAN DERAHMAN**



“SAYA YAKIN DENGAN PENEKANAN YANG DIBERI OLEH PMINT DI DALAM MEMAJUKAN PELBAGAI SUMBER DAN SEKTOR UNTUK PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI TERENGGANU KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN DISOKONG OLEH PENGURUSAN YANG KUAT DAN STRATEGI YANG BETUL”

Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan PMINT

KATA
ALU-ALUAN
OLEH
KETUA
PEGAWAI
EKSEKUTIF
KUMPULAN
PMINT

SAYA MENGUCAPKAN
SYUKUR KE HADRAT
ALLAH S.W.T KERANA
DENGAN IZIN-NYA PELAN
STRATEGIK PERBADANAN
MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI
TERENGGANU (PMINT) 2022
– 2026 DAPAT DIHASILKAN
DENGAN JAYANYA.



Pelan Strategik PMINT 2017 - 2021 telah pun berakhir dengan keberhasilan yang jelas digambarkan melalui empat teras strategik iaitu memacu pertumbuhan ekonomi dan mengoptimum keuntungan, memantapkan peranan dan imej PMINT, meningkatkan kualiti produk dan memperkasakan sistem penyampaian dan memantapkan pengurusan organisasi dan pembangunan modal insan di dalam peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berintegriti.

Kini, PMINT membuka lembaran baharu dan berhadapan dengan cabaran yang lebih tinggi iaitu meneruskan visi bagi meneraju, menjana dan menyumbang pembangunan sosio ekonomi negeri melalui peningkatan sistem penyampaian melalui Pelan Strategik PMINT 2022 - 2026 yang berupaya memberi impak yang besar khususnya kepada Negeri Terengganu.

Pelan strategik ini diharapkan dapat menjadi sumber rujukan utama yang menetapkan hala tuju PMINT dalam tempoh 5 tahun akan datang. Selain itu, strategi dan program dalam pelan ini telah diteliti secara terperinci bagi memastikan ia relevan dengan persekitaran semasa dan kehendak pelanggan dan pemegang taruh.

Harapan saya agar pelan strategik ini dijadikan panduan yang jelas dan terperinci kepada warga PMINT untuk terus memberi perkhidmatan yang cemerlang dan berintegriti kepada semua pihak berkepentingan. Melalui penyediaan Pelan Strategik ini, semua warga PMINT perlu peka dan sentiasa memantau keberkesanan pelaksanaan program dan sasaran yang telah ditetapkan bagi menghasilkan impak keberhasilan yang terbaik.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang idea, tenaga dan masa untuk menghasilkan Pelan Strategik PMINT 2022 – 2026.

Sekian, terima kasih.



Bahagian

01

“ STRATEGI bukanlah akibat daripada perancangan, tetapi sebaliknya: TITIK PERMULAANNYA ”

07

PENGENALAN

08

RINGKASAN
EKSEKUTIF

10

LATAR
BELAKANG
PMINT

11

OBJEKTIF
PENUBUHAN
PMINT

12

CARTA
ORGANISASI

PELAN
STRATEGIK
PMINT

PERBADANAN MEMAJUKAN
IKTISAD NEGERI TERENGGANU
2022-2026

PELAN STRATEGIK PMINT

PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU

2022-2026



PELAN STRATEGIK PMINT 2022 – 2026 DIBANGUNKAN SEBAGAI GARIS PANDUAN BAGI MEMASTIKAN SEGALA PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN DAPAT DIREALISASIKAN SEJAJAR DENGAN DASAR-DASAR KERAJAAN NEGERI TERENGGANU, DI SAMPING MEMASTIKAN PEMERKASAAN AMALAN TADBIR URUS DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG EFISIEN DAN BERINTEGRITI.



PELAN INI MASIH MENGEKALKAN VISI ASALNYA IAITU MENJADIKAN PMINT SEBAGAI PENERAJU, PENJANA, DAN PENYUMBANG UTAMA PEMBANGUNAN SOSIO – EKONOMI NEGERI.



PELAN INI BERPAKSIKAN 5 TERAS STRATEGIK UTAMA YANG BERMATLAMAT MENGUKUHKAN MISI PMINT UNTUK MEMAJUKAN PELBAGAI SUMBER DAN SEKTOR PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI TERENGGANU KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik PMINT 2022-2026 ini bertujuan meneruskan usaha-usaha untuk mencapai visi sebagai peneraju, penjana, dan penyumbang utama pembangunan sosio ekonomi negeri Terengganu.

Pelan ini berpaksikan 5 teras strategik dengan 19 strategi, 51 program dan 93 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang bermatlamat menjadikan PMINT sebuah organisasi yang dapat memajukan pelbagai sumber dan sektor pembangunan ekonomi ke arah kesejahteraan rakyat.

PELAN INI MEMBERI TUMPUAN KEPADA

5 Teras Utama

TERAS STRATEGIK 1	Pengembangan Sumber Hasil & Pendapatan Yang Lestari
TERAS STRATEGIK 2	Pengukuhan Modal Insan Yang Profesional & Berkeupayaan
TERAS STRATEGIK 3	Pemeriksaan Perkhidmatan ICT Yang Bersepadu, Kolaboratif & Dinamik
TERAS STRATEGIK 4	Pemantapan Amalan Tadbir Urus & Sistem Penyampaian Perkhidmatan Yang Efisien & Berintegriti
TERAS STRATEGIK 5	Pengukuhan Penjenamaan Produk & Perkhidmatan PMINT

Latar Belakang PMINT

PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU (PMINT) TELAH DITUBUHKAN PADA 1 HARIBULAN APRIL TAHUN 1965 DI BAWAH ENAKMEN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU (NO. 3/1965) BAGI TUJUAN UNTUK MENJADI AGENSI UTAMA NEGERI BAGI MELAKSANAKAN DAN MEMPERCEPATKAN PEMBANGUNAN SERTA KEMAJUAN SOSIO-EKONOMI DI NEGERI TERENGGANU.

Sejajar dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971, PMINT turut mendukung matlamat DEB untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Begitu juga, apabila Dasar Pembangunan Nasional 1991-2000 (DPN) yang bermula pada tahun 1991, PMINT juga turut terlibat secara aktif dalam menjayakan dasar tersebut.

PMINT telah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang meliputi spektrum yang sangat luas hingga hampir ke semua sektor ekonomi. Di antaranya ialah pembangunan hartanah, perladangan, agrobiotek, akuakultur, pembuatan dan perkhidmatan. Secara keseluruhannya, aktiviti PMINT dijalankan melalui dua cara iaitu secara langsung dan juga melalui anak-anak syarikat.



PELAN STRATEGIK PMINT

PERBADANAN MEMAJUKAN
IKTISAD NEGERI TERENGGANU
2022-2026

Objektif Penubuhan PMINT

UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN DAN MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT.

MENINGKATKAN AKTIVITI EKONOMI.

PEMBANGUNAN SUMBER TENAGA MANUSIA.


MEMESATKAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN BANDAR DAN LUAR BANDAR.

MENINGKATKAN SERTA MEMPERKUKUHKAN ASAS EKONOMI BUMIPUTERA DENGAN MELAHIRKAN MASYARAKAT PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BUMIPUTERA.



CARTA ORGANISASI PMINT

PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU



PELAN STRATEGIK PMINT

PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU
2022-2026

20
26



20
22

Halatuju Strategik dan
Pelan Tindakan Organisasi



Bahagian 02

Hala Tuju Strategik PMINT

“ perancangan yang baik dilaksanakan hari ini adalah lebih baik daripada perancangan yang sempurna dilaksanakan esok ”

12

VISI | MISI |
MOTO | DASAR
KUALITI

13

NILAI-NILAI
BERSAMA
PMINT

14

TERAS
STRATEGIK
2022 – 2026

15

KERANGKA
PELAN
STRATEGIK
PMINT
2022 – 2026

16

STRATEGI
PELAN
STRATEGIK
PMINT
2022 – 2026

PELAN STRATEGIK PMINT

PERBADANAN MEMAJUKAN
IKTISAD NEGERI TERENGGANU
2022-2026

VISI | MISI | MOTO DASAR KUALITI PMINT

PERBADANAN MEMAJUKAN
IKTISAD NEGERI TERENGGANU

VISI

PENERAJU, PENJANA DAN PENYUMBANG UTAMA PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGERI TERENGGANU

MISI

MEMAJUKAN PELBAGAI SUMBER DAN SEKTOR PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI TERENGGANU KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT

MOTO

KEPERLUAN & KEPUASAN PELANGGAN KEUTAMAAN KAMI

DASAR KUALITI

MEMBERI KHIDMAT DAN MENGHASILKAN PRODUK YANG BERKUALITI DENGAN IKHLAS BAGI MEMENUHI KEPERLUAN PELANGGAN DALAMAN DAN LUARAN PMINT MELALUI PENGGUNAAN SUMBER YANG EFISYEN.

MENGGALAKKAN PENGLIBATAN KESEMUA WARGA KERJA MENGGUNAKAN PENINGKATAN PROSEDUR KERJA SECARA BERTERUSAN.

MENCAPAI OBJEKTIF KUALITI MELALUI PENGUJUDAN SPK BERDASARKAN ISO 9001 : 2015



TERAS STRATEGIK 2022 – 2026

NILAI-NILAI BERSAMA PMINT

KEWANGAN

Pengembangan sumber hasil dan pendapatan yang lestari

MODAL INSAN

Pengukuhan modal insan yang profesional & berkeupayaan

TEKNOLOGI

Pemerkasaan perkhidmatan ict yang bersepadu, kolaboratif dan dinamik

PERKHIDMATAN

Pemantapan amalan tadbir urus & sistem penyampaian perkhidmatan yang efisien & berintegriti

PENJENAMAAN

Pengukuhan penjenamaan produk & perkhidmatan pmint

P

PEMBUDAYAAN ILMU

Pembudayaan proses pembelajaran berterusan di kalangan warga PMINT.

M

MOTIVASI DIRI YANG TINGGI

Motivasi yang tinggi dengan amalan sikap positif dan responsif.

I

INTEGRITI

Integriti dengan mengamalkan nilai-nilai kejujuran, keikhlasan dan keluhuran dalam semua urusan.

N

NEKAD KE ARAH KECEMERLANGAN

Nekad berusaha dengan tabah dan cecal hati ke arah kecemerlangan.

T


TELUS

Telus di dalam melaksanakan tugas mengikut prosedur kerja dan piawaian yang telah ditetapkan.

KERANGKA PELAN STRATEGIK

PMINT

2022-2026





STRATEGI PELAN STRATEGIK

PMINT 2022-2026

TERAS 1

PENGEMBANGAN SUMBER HASIL DAN PENDAPATAN YANG LESTARI

STRATEGI 1

MEMPERKASAKAN MODEL PERNIAGAAN BAHARU DAN SEDIA ADA

STRATEGI 2

MENGUKUHKAN TADBIR URUS PENGURUSAN PERNIAGAAN DI PERINGKAT KUMPULAN PMINT

STRATEGI 3

MENJADIKAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN SEBAGAI SALAH SATU HASIL UTAMA PMINT

STRATEGI 4

MENERAJU PEMBANGUNAN HARTANAH TERPILIH DAN BERSASAR



STRATEGI PELAN STRATEGIK

PMINT 2022-2026

TERAS 2

PENGUKUHAN MODAL
INSAN YANG PROFESIONAL
& BERKEUPAYAAN

STRATEGI 1
MEMPERKASA MODAL INSAN YANG PROFESIONAL
DAN BERPRESTASI TINGGI

STRATEGI 2
MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN LATIHAN DAN
KERJAYA

STRATEGI 3
MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KERJA YANG KONDUSIF
DAN PRODUKTIF

STRATEGI 4
MENGUKUHKAN AMALAN INTEGRITI DAN
PENGHAYATAN NILAI-NILAI BERSAMA PMINT



STRATEGI PELAN STRATEGIK

PMINT 2022-2026

TERAS 3

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN ICT YANG BERSEPADU, KOLABORATIF DAN DINAMIK

STRATEGI 1

MEMANTAPKAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN DAN PENGUKUHAN PEMBUDAYAAN ICT

STRATEGI 2

MEMPERLUASKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL PMINT

STRATEGI 3

MENGUKUHKAN PERKHIDMATAN INFRASTRUKTUR DAN PENGURUSAN KESELAMATAN ICT

STRATEGI 4

MEMPERKASA EKONOMI DIGITAL BAGI MENYOKONG PERTUMBUHAN AKTIVITI UTAMA PMINT

STRATEGI PELAN STRATEGIK

PMINT 2022-2026

TERAS 4

PEMANTAPAN AMALAN TADBIR URUS & SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG EFISIEN & BERINTEGRITI

STRATEGI 1
MEMANTAPKAN PENGURUSAN MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI STRATEGIK PMINT

STRATEGI 2
MEMANTAPKAN KOORDINASI PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PROJEK

STRATEGI 3
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PMINT

STRATEGI 4
MENINGKATKAN KUALITI DAN DAYA SAING PRODUK DAN PERKHIDMATAN



STRATEGI PELAN
STRATEGIK

PMINT
2022-2026

TERAS 5

PENGUKUHAN
PENJENAMAAN PRODUK &
PERKHIDMATAN PMINT

STRATEGI 1
MENINGKATKAN KETERLIHATAN UNTUK PASARAN
DALAM DAN LUAR NEGARA

STRATEGI 2
MEMPERKASA PENJENAMAAN MELALUI RANGKAIAN
DIGITAL

STRATEGI 3
MEWUJUDKAN KOLABORASI DAN JARINGAN MENANG-
MENANG PELBAGAI AGENSI DI PERINGKAT NEGERI,
PERSEKUTUAN DAN PEMAIN INDUSTRI

Business activity of company and subdivisions

Data and prognosis of activity



Detailed information of changing business activity of subdivisions of main company



Bahagian 03 Pelan Tindakan

“Tindakan tanpa perancangan adalah punca segala kegagalan. Tindakan dengan perancangan adalah punca segala kejayaan”

23

PELAN
TINDAKAN
TERAS 1

24

PELAN
TINDAKAN
TERAS 2

25

PELAN
TINDAKAN
TERAS 3

26

PELAN
TINDAKAN
TERAS 4

27

PELAN
TINDAKAN
TERAS 5

PELAN
STRATEGIK
PMINT
PERBADANAN MEMAJUKAN
IKTISAD NEGERI TERENGGANU
2022-2026

PELAN TINDAKAN TERAS 01 Strategi 01

TERAS 1 PENGEMBANGAN SUMBER HASIL DAN PEN DAPATAN YANG LESTARI

STRATEGI 1 MEMPERKASAKAN MODEL PERNIAGAAN BAHARU DAN SEDIA ADA

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1.	Pemeriksaan model perniagaan jangka panjang	Permohonan & kelulusan dasar pembangunan digazetkan kepada PMINT	2022 8 Bandar Baru Lestari Stesen ECRL Zoning Pusat Perniagaan Daerah	KPO/ PBPP/ BPP
		Pelan Pembangunan Perindustrian Negeri	Jumlah Pendapatan Industri 2022 - RM26,528,433 2023 - RM48,674,315 2024 - RM46,752,923 2025 - RM54,967,077 2026 - RM33,723,779	KPO/ PBPI/ BPIInd
		Pelan Pembangunan Hartanah PMINT	Jumlah GDV 2022 - RM35,760,000 2023 - RM114,388,591 2024 - RM79,231,800 2025 - RM83,679,000 2026 - RM55,680,000	KPO/ PBPP/ BPP
2.	Memperkasakan Perancangan Kutipah Hartanah	Pelan Perancangan Kutipan Sewaan	Pelan Perancangan Kutipan Sewaan	PBPH/BJS
		Hasil Sewaan Hartanah	2022 - RM20,063,986 2023 - RM19,363,795 2024 - RM19,989,831 2025 - RM20,728,423 2026 - RM21,107,080	PBPH/BJS
		Pelan Perancangan Kutipan Jualan	Pelan Perancangan Kutipan Jualan	PBPH/BJS
		Hasil Jualan Hartanah	2022 - RM50,627,678 2023 - RM45,046,620 2024 - RM30,412,525 2025 - RM30,700,375 2026 - RM31,173,676	PBPH/BJS
		Hasil Kutipan Pengurusan RAKR	RM95 juta	PBPH/ BRAKR

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
3.	Meneroka peluang-peluang perniagaan hulu dan hiliran baharu	Penubuhan Multidisciplinary Firm	Kajian 2022 PBPT	PBPT
			1 syarikat 2023	KPO/PBPT
		Penubuhan syarikat usahasama dalam bidang IBS	1 syarikat 2024	KPO/PBPT
4.	Menceburi sektor perniagaan baru yang berpotensi	Kajian kebolehlaburan dalam REITs	1 kajian 2022	KPK/ PBPH/BJS
			20% bangunan untuk pelaburan REITs	
		Kajian kebolehlaksanaan dalam pelaburan yang berpotensi	Tempoh masa kajian 2 tahun	KPK/BPK/BKEW
2 kerjasama dengan pemain industri	KPK/BPK/BKEW			

PELAN TINDAKAN TERAS 01 Strategi 02

TERAS 1 PENGEMBANGAN SUMBER HASIL DAN PEN DAPATAN YANG LESTARI

STRATEGI 2 MENGUKUHKAN TADBIR URUS PENGURUSAN PERNIAGAAN DI PERINGKAT KUMPULAN PMINT

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1.	Memperkukuhkan pengurusan dan meningkatkan proses kawalan dalam memastikan tadbir urus yang baik	Tahap prestasi Ahli Lembaga Pengarah	80% ke atas	KPK/ BPK
		Penyediaan Kod Etika	2022	BPK
		Penyediaan dasar had kuasa (Limit of Authority)	2022	BPK
2.	Pemeriksaan Subsidiari PMINT dengan penetapan hala tuju anak syarikat PMINT	Pelan Strategik Kumpulan PMINT 5 tahun	2022	KPK/BPK
		Penyediaan platform pemantauan dan kawalan prestasi kumpulan PMINT	15 sesi	BPK
3.	Pemeriksaan Subsidiari PMINT	Penyediaan kaedah penilaian bagi pengiktirafan kecemerlangan Subsidiari	Kaedah Penilaian 2022	BPK
			Pengiktirafan 2023	KPK/ BPK
		Penyediaan pelan pemulihan bagi subsidiari yang kurang berprestasi	Pelan Pemulihan 2022	KPK/BPK
			100% pelaksanaan pelan pemulihan 2023	KPK/BPK
		Penyediaan kajian pelaksanaan Re-Alignment exercise terdiri daripada pemulihan, penilaian semula, pengambilalihan, merger & acquisition dan exit strategies di bawah Kumpulan PMINT	Kajian Pelaksanaan 2022	KPK/BPK
	Pelaksanaan 2023	KPK/BPK		

TERAS 1 PENGEMBANGAN SUMBER HASIL DAN PEN DAPATAN YANG LESTARI

STRATEGI 2 MENGUKUHKAN TADBIR URUS PENGURUSAN PERNIAGAAN DI PERINGKAT KUMPULAN PMINT

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
4.	Mengukuhkan fungsi Audit Dalam dan Unit Integriti dan Governans yang berkualiti tinggi & berkesan	Frekuensi Pengauditan	5 sesi pengauditan (5 syarikat)	BAD
		Penubuhan Unit Integriti & Governans	2022	BPK/BPI
		Penganjuran Program kesedaran integriti	25 program	BPI
		Pentauliahan CIGO Kumpulan Anak Syarikat	CIGO 2023	BPI
		Pembangunan sistem integriti yang sistematik	2024	BPK/BPI

PELAN TINDAKAN TERAS 01 Strategi 03

TERAS 1 PENGEMBANGAN SUMBER HASIL DAN PEN DAPATAN YANG LESTARI

STRATEGI 3 MENJADIKAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN SEBAGAI SALAH SATU HASIL UTAMA PMINT

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1.	Meningkatkan hasil yang diperolehi melalui projek-projek perindustrian	Pendapatan Pajakan tanah industri	Jumlah Pendapatan RM210,646,527 2022 - RM26,520,433 2023 - RM48,674,315 2024 - RM46,752,923 2025 - RM54,967,077 2026 - RM33,723,779	PBPI/ BPIInd
		Pembangunan Taman Perindustrian bagi Lot P dan Gong Medang	Badan Pengurusan Taman Perindustrian	PBPI/ BPIInd
2.	Meningkatkan keterlibatan bersama Agensi Persekutuan	Permohonan peruntukan pembangunan bagi projek-projek infra	5 permohonan	KPO PBPI PBPP
		Kelulusan permohonan peruntukan	2 permohonan	KPO PBPI PBPP

PELAN TINDAKAN TERAS 01 Strategi 04

TERAS 1 PENGEMBANGAN SUMBER HASIL DAN PEN DAPATAN YANG LESTARI

STRATEGI 4 MENERAJU PEMBANGUNAN HARTANAH TERPILIH DAN BERSASAR

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1.	Menyediakan reka bentuk yang memenuhi kehendak pembeli dan keadaan persekitaran	Pengukuhan Jawatankuasa Reka Bentuk	Garis Panduan Reka Bentuk 2022	PBPT
2.	Menjalankan usaha sama secara penswastaaan bersama pihak ketiga	Penyediaan dasar penswastaaan pembangunan projek	2022	KPO PBPP
		Pembangunan projek penswastaaan	5 projek	KPO PBPP
3.	Membangunkan pusat-pusat komersial dan perumahan yang baru dan bersasar pembangunan projek	Permohonan peruntukan geran daripada Kerajaan Persekutuan untuk	10 geran	KPO PBPP
		Kelulusan Peruntukan	2 kelulusan	PBPP
		Perolehan tanah yang berpotensi bagi tujuan pembangunan komersial dan perumahan melalui kaedah: a) Pengambilan balik tanah b) Permohonan tanah kerajaan c) Pembelian tanah	RM20 juta	PBPP BTS

PELAN TINDAKAN TERAS 02 Strategi 01

TERAS 2 PENGUKUHAN MODAL INSAN YANG PROFESIONAL & BERKEUPAYAAN

STRATEGI 1 MEMPERKASA MODAL INSAN YANG PROFESIONAL DAN BERPRESTASI TINGGI

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1.	Melaksanakan pengurusan dan pembangunan bakat berasaskan kompetensi	Pelan Strategik Sumber Manusia	2022	PBKS/ BPMI
		Pelaksanaan Pencapaian Pelan Penggantian & Pembangunan Bakat	80% pencapaian pelaksanaan program	PBKS/ BPMI
			10% pengurangan jurang kompetensi	PBKS/ BPMI
2.	Menyediakan program pusingan kerja dan pendedahan secara sistematik kepada pegawai/pegawai PMINT	Penempatan warga kerja ke anak syarikat	5 wargakerja 2022 - 2026	BPMI
3.	Pengurusan dan aplikasi maklumat PSM secara efektif	Penganjuran taklimat/ kursus berkaitan PSM kepada wargakerja	10 sesi taklimat/kursus 2022 - 2026	BPMI

PELAN TINDAKAN TERAS 02 Strategi 02

TERAS 2 PENGUKUHAN MODAL INSAN YANG PROFESIONAL & BERKEUPAYAAN

STRATEGI 2 MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN LATIHAN DAN KERJAYA

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1.	Melaksanakan program Mentoring / Coaching	Garis Panduan Pelaksanaan Coaching & Mentoring	2022	BPMI
		Sesi coaching & mentoring	20 sesi 2022 - 2026	BPMI
		Tahap keberkesanan Program Coaching	Pencapaian 80% 2022 – 2026	BPMI
2.	Memantapkan program-program latihan yang menjurus kepada pembangunan kompetensi insaniah dan teknikal	Penyertaan Pegawai Gred 48 ke atas menyertai program pembangunan kepakaran dan kepimpinan strategik setiap tahun	80% 2022 - 2026	PBKS/ BPMI
3.	Menjalankan latihan / kursus khas bersama badan / institusi profesional	Penganjuran kursus khas	5 program 2022 – 2026	BPMI

PELAN TINDAKAN TERAS 02 Strategi 03

TERAS 2 PENGUKUHAN MODAL INSAN YANG PROFESIONAL & BERKEUPAYAAN

STRATEGI 3 MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KERJA YANG KONDUSIF DAN PRODUKTIF

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1.	Melaksanakan soal selidik kepuasan bekerja	Indeks Kepuasan wargakerja	80% keatas SPAN 2022 - 2026	BPMI
2.	Mewujudkan program sihat dan produktif di tempat kerja	Program Pemeriksaan Kesihatan Wargakerja	3 program 2022 / 2024 / 2026 40 tahun ke atas	BPMI
3.	Menyediakan persekitaran kerja yang kondusif	Kepuasan warga kerja	80% 2022-2026	BKP
4.	Melaksanakan program pengiktirafan dan penghargaan	Anugerah Inovasi	5 kali	BKP/BPMI

PELAN TINDAKAN TERAS 02 Strategi 04

TERAS 2 PENGUKUHAN MODAL INSAN YANG PROFESIONAL & BERKEUPAYAAN

STRATEGI 4 MENGUKUHKAN AMALAN INTEGRITI DAN PENGHAYATAN NILAI-NILAI BERSAMA PMINT

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1.	Memperkasa penghayatan nilai-nilai bersama PMINT	Penganjuran program/ seminar	20 program 2022 - 2026	BPMI/ BPI
2.	Membudayakan amalan integriti dalam organisasi	Penyediaan Polisi Rujukan Perolehan	2022	BKP
		Dasar dan Polisi Kerahsiaan Maklumat	2022	BKP
		Penyediaan Laporan Penilaian Strategi & Inisiatif OACP	8 laporan 2022 - 2023	BPI
		Penyediaan OACP 3 tahun	2023	BPI

PELAN TINDAKAN TERAS 03 Strategi 01

TERAS 3 PEMERKASAAN PERKHIDMATAN ICT YANG BERSEPADU, KOLABORATIF DAN DINAMIK

STRATEGI 1 MEMANTAPKAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN DAN PENGUKUHAN PEMBUDAYAAN ICT

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1	Merangka & menggubal Pelan Strategik Pendigitalan PMINT	Pelaksanaan pelan tindakan dalam Pelan Strategik Pendigitalan PMINT	80% tindakan dilaksanakan	KPK / BTM
		Pematuhan kepada dasar dan garis panduan pendigitalan PMINT dikalangan kakitangan.	90 % pematuhan	KPK / BTM
2	Memantapkan kemahiran digital dan pembudayaan ICT yang berkesan secara berterusan.	Tahap penggunaan sistem perkhidmatan atas talian dikalangan wargakerja.	80 % penggunaan	BPMI / BTM
		Pelaksanaan program peningkatan kemahiran / keselamatan ICT	10 program	BPMI / BTM

PELAN TINDAKAN TERAS 03 Strategi 02

TERAS 3 PEMERKASAAN PERKHIDMATAN ICT YANG BERSEPADU, KOLABORATIF DAN DINAMIK

STRATEGI 2 MEMPERLUASKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL PMINT

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1	Membangunkan sistem end to end PMINT - Sistem Induk Bersepadu PMINT - Sistem dalaman PMINT	Pelaksanaan Pembangunan Sistem	90% mengikut jadual	KPK/ BTM
2	Meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan penyaluran maklumat jabatan secara optimum di laman sesawang	Pematuhan kriteria Sistem Pemantauan SPLASK	90%	BTM
3	Penggunaan sistem kewangan secara bersepadu sebagai nilai tambah kepada perkhidmatan merentasi organisasi	Sistem kewangan bersepadu dengan anak syarikat	2023	KPK/BTM
		Tempoh Penyediaan Laporan	15 hari bekerja	BTM / KEW
4	Mewujudkan Data Raya Jabatan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan perkongsian data agensi	Penggunaan Data Raya yang bernilai	60%	PBKS BTM

PELAN TINDAKAN TERAS 03

Strategi 03

TERAS 3 PEMERKASAAN PERKHIDMATAN ICT YANG BERSEPADU, KOLABORATIF DAN DINAMIK

STRATEGI 3 MENGUKUHKAN PERKHIDMATAN INFRASTRUKTUR DAN PENGURUSAN KESELAMATAN ICT

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1	Menaiktaraf dan mengukuhkan kemudahan infrastruktur ICT	Naik taraf kemudahan talian internet	2024	BTM
		Penyediaan perkakasan ICT yang terkini	80%	BTM
		Maklumbalas tahap kelancaran capaian.	80%	BTM
2	Memastikan keselamatan sistem, data dan maklumat terjamin dari aspek kerahsiaan, integriti dan ketersediaan	Peningkatan tahap keselamatan penggunaan Virtual Private Network (VPN) Penyediaan Virtual Local Area Network	2022	BTM
3	Menggunakan perkhidmatan storan awan (cloud storage) untuk memudahkan pengurusan data.	Penyediaan perkhidmatan cloud storage	2022	BTM
4	Melaksanakan perkhidmatan Disaster Recovery Centre (DRC) bagi aplikasi kritikal PMINT.	Pelaksanaan Pelan tindakan Pemulihan Bencana	80% tindakan dilaksanakan	BTM

PELAN TINDAKAN TERAS 03 Strategi 04

TERAS 3 PEMERKASAAN PERKHIDMATAN ICT YANG BERSEPADU, KOLABORATIF DAN DINAMIK

STRATEGI 4 MEMPERKASA EKONOMI DIGITAL BAGI MENYOKONG PERTUMBUHAN AKTIVITI UTAMA PMINT

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1	Membangunkan sistem end to end PMINT - Sistem Induk Bersepadu PMINT - Sistem dalaman PMINT	Pelaksanaan Pembangunan Sistem	90% mengikut jadual	KPK/ BTM
1	Meningkatkan penyediaan dan memperluaskan penggunaan perkhidmatan pembayaran tanpa tunai	Penggunaan perkhidmatan pembayaran tanpa tunai	80%	BTM/ BJS/ BKEW/BRAKR/ BPInd
2	Memantapkan Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih	Penambahbaikan perkhidmatan dalam aplikasi mudah alih myPMINT	5 perkhidmatan	BTM
		Penggunaan perkhidmatan aplikasi mudah alih	80%	BJS
3	Mengaplikasikan teknologi digital dalam memperluaskan promosi dan pasaran	Penggunaan Virtual Tour dalam mempromosikan produk hartanah dan industri PMINT	4 projek / 20% keseluruhan projek	BTM /BJS / BPP/BPInd

PELAN TINDAKAN TERAS 04 Strategi 01

TERAS 4 PEMANTAPAN AMALAN TADBIR URUS & SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG EFISIEN & BERINTEGRITI

STRATEGI 1 MEMANTAPKAN PENGURUSAN MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI STRATEGIK PMINT

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1	Memastikan Pelan Strategik PMINT dilaksana dan dipantau mengikut perancangan	Penyediaan Pelan Tindakan tahunan	2022 - 2026	BPK
		Laporan Pencapaian Pelan Tindakan	20 kali	BPK

TERAS 04 Strategi 02

TERAS 3 PEMANTAPAN AMALAN TADBIR URUS & SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG EFISIEN & BERINTEGRITI

STRATEGI 3 MEMANTAPKAN KOORDINASI PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PROJEK

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1	Pelaksanaan dan pemantauan projek-projek secara cekap dan berkesan	Kebolehlaksanaan Projek PMINT melalui Analisa Viabiliti	Minima 20% margin keuntungan	PBPP/BPP
		Pemantauan proses Pembangunan Projek PMINT	Tempoh dalam Blok Proses	KPO/ PBPP

PELAN TINDAKAN TERAS 04 Strategi 03

TERAS 4 PEMANTAPAN AMALAN TADBIR URUS & SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG EFISIEN & BERINTEGRITI

STRATEGI 3 MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN DAN PERKHIDMATAN PMINT

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1	Pembudayaan kerja berorientasikan pelanggan	Pengukuhan Jawatankuasa-jawatankuasa dalam MKSP Berkenaan Aduan Kepuasan Pelanggan dalaman dan luaran	Garis panduan dibentuk pada 2022	PBKS
		Peratusan tahap kepuasan pelanggan	80% peratus tahap kepuasan pelanggan	PBKS
2	Pemurnian ISO dan MyPortfolio	Penyeragaman proses kerja	2023	PBKS/BPMI/ BKP
3	Pengukuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun (JPKA)	Pelaporan tambahan berkaitan isu kewangan dari bahagian berkaitan	20 Laporan Prestasi	BKEW/BPInd/ BJS/ BKP

PELAN TINDAKAN TERAS 04 Strategi 04

TERAS 4 PEMANTAPAN AMALAN TADBIR URUS & SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG EFISIEN & BERINTEGRITI

STRATEGI 4 MENINGKATKAN KUALITI DAN DAYA SAING PRODUK DAN PERKHIDMATAN

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1	Pelaksanaan dan pemantauan projek-projek secara cekap dan berkesan	Mewujudkan pasukan Q-lassic dalaman @audit kualiti Penyeliaan dan pembinaan di tapak yang lebih efisien	2022	PBPT/BPT
		Penilaian Qlassic ke atas semua projek PMINT	Skor Qlassic minima 70%	PBPT/ BPT
2	Pematuhan piagam pelanggan PMINT	Tahap pematuhan piagam pelanggan	80% pematuhan	PBKS

PELAN TINDAKAN TERAS 05 Strategi 01

TERAS 5 PENGUKUHAN PENJENAMAAN PRODUK & PERKHIDMATAN

STRATEGI 1 MENINGKATKAN KETERLIHATAN UNTUK PASARAN DALAM DAN LUAR NEGARA

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1	Melaksanakan kolaborasi strategik dengan sektor swasta	Pelan Pemasaran Industri	2022	KPO/ PBPI
		Promosi bersepadu diantara Industrial Park Manager & Pemaju Hartanah	10 kali promosi	PBPI/PBPH
		Pelan Pemasaran Hartanah	2022	PBPH
2	Menjalankan promosi bersepadu bersama agensi-agensi berkaitan (MIDA/MITI/MATRADE/ REHDA)	Pelaksanaan Property/ Industrial Town Hall/ promosi bersepadu bagi pelaburan hartanah bersama Agensi negeri dan persekutuan	10 kali	PBPI/ PBPH/ PBPP

PELAN TINDAKAN TERAS 05 Strategi 02

TERAS 5 PENGUKUHAN PENJENAMAAN PRODUK & PERKHIDMATAN

STRATEGI 2 MEMPERKASA PENJENAMAAN MELALUI RANGKAIAN DIGITAL

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1	Meningkatkan promosi dan publisiti melalui pelbagai saluran dan media.	Penyediaan Pelan Program & Publisiti	Pelan Program & Publisiti	PBKS/ BPMI
		Penyediaan Jadual Pengiklanan/Posting Tahunan	Jadual Pengiklanan/ Posting 5 kali	PBKS/PBPH/ PBPI
		Pengiklanan/ Posting melalui media sosial	96 post 120,000 view	BPMI
			96 post 120,000 view	BJS
			480 post 3 juta view	BPInd

PELAN TINDAKAN TERAS 05 Strategi 03

TERAS 5 PENGUKUHAN PENJENAMAAN PRODUK & PERKHIDMATAN

STRATEGI 3 MEWUJUDKAN KOLABORASI DAN JARINGAN MENANG-MENANG PELBAGAI AGENSI DI PERINGKAT NEGERI, PERSEKUTUAN DAN PEMAIN INDUSTRI

PELAN TINDAKAN

Bil	Program	KPI	Sasaran	Penyelaras
1	Mewujudkan penjenamaan PMINT kepada stakeholder	Meningkatkan rapport bersama pegawai-pegawai dari Agensi Kerajaan Negeri melalui aktiviti sosial seperti sukan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR)	15 kali	PBKS
2	Meningkatkan penglibatan program/acara berimpak	Majlis bersama Media seperti Lunch/Hi-Tea	5 majlis	PBKS
3	Merapatkan jaringan kerjasama antara pelbagai agensi Kerajaan di peringkat negeri dan persekutuan.	PMINT sebagai agensi pelaksana dan mampu memainkan peranan sebagai Penguasa Projek	10 projek	PBPP/PBPT



Bahagian 04

Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan

“Tindakan tanpa perancangan adalah punca segala kegagalan. Tindakan dengan perancangan adalah punca segala kejayaan”

PELAN
STRATEGIK
PMINT

PERBADANAN MEMAJUKAN
IKTISAD NEGERI TERENGGANU
2022-2026



PELAN STRATEGIK PMINT

PERBADANAN MEMAJUKAN
IKTISAD NEGERI TERENGGANU
2022-2026

MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

PELAN STRATEGIK PMINT 2022 – 2026 merupakan pelan jangka panjang lima (5) tahun yang bermatlamatkan untuk meningkatkan peranan PMINT sebagai Peneraju, Penjana, dan Penyumbang Utama Pembangunan Sosio-Ekonomi Negeri.

Setiap warga PMINT perlu memainkan peranan dengan penuh komitmen dalam memastikan pelan ini berjalan dengan jaya dan semua strategik teras dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, strategi dan pelan tindakan yang telah dibangunkan akan dipantau dan disemak dari masa ke semasa mengikut keperluan. Penilaian pencapaian akan dibuat setiap enam (6) bulan, dan kajian semakan semula akan dibuat pada tahun 2024 bagi mengambil kira perubahan persekitaran dan keperluan semasa.

PENUTUP

Tempoh pelaksanaan **PELAN STRATEGIK PMINT 2022 – 2026** adalah amat kritikal dan mencabar di mana PMINT perlu menangani isu-isu dan cabaran bagi memajukan pelbagai sumber dan sektor pembangunan ekonomi negeri Terengganu ke arah kesejahteraan rakyat.

Pelaksanaan Pelan Strategik 2022 – 2026 memerlukan kerjasama semua pihak berkaitan berkepentingan sama ada dalaman mahupun luaran PMINT melalui pendekatan strategik dan inovatif.

PMINT yakin kejayaan pelaksanaan akan dapat dicapai melalui mekanisme pelaksanaan dan pemantauan secara berterusan dan sistematik.



UTC

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR
TERENGGANU

YABUNG HAJI
﴿﴾

Fasilitas yang disediakan:

- Program / Sempena wang
- Pendaftaran Hajj
- Pendaftaran Baku Akas

www.pmint.gov.my

PELAN STRATEGIK PMINT

PERBADANAN MEMAJUKAN
IKTISAD NEGERI TERENGGANU

2022-2026

HALATUJU STRATEGIK
DAN PELAN TINDAKAN
ORGANISASI



PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU
Tingkat 14, Menara PERMINT, Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu

Tel : +609 6278 000
Fax : +609 6233 880
Email : admin@pmint.gov.my